SOALAN LAZIM

LANJUTAN MORATORIUM DAN BANTUAN BANK BERSASAR SERTA PROGRAM BANTUAN PENGURUSAN KEWANGAN

Selaras dengan pengumumuan berkenaan Lanjutan Moratorium & Bantuan Bank Bersasar pada 29 Julai 2020, Bank Rakyat mengambil inisiatif membantu pelanggan merancang komitmen pembiayaan mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan. Tawaran ini khusus buat pelanggan yang masih menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka selepas tempoh moratorium secara automatik tamat pada 30 September 2020 berikutan penularan wabak COVID-19.

1 **Apakah kriteria pelanggan yang layak menikmati lanjutan moratorium 3 bulan selepas tempoh moratorium tamat pada 30 September 2020?**

Pelanggan yang layak adalah seperti berikut:

i. Pelanggan yang telah diberhentikan kerja dalam tahun 2020 dan masih belum mendapat pekerjaan baharu.
ii. Pelanggan yang masih dalam tempoh bercuti tanpa gaji dan berlanjutan sehingga Disember 2020.

2 **Apakah bantuan bersasar yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan yang masih bekerja tetapi mengalami pengurangan gaji?**

Bank menawarkan pengurangan ansuran selaras dengan kadar pengurangan gaji untuk tempoh minimum selama enam bulan.

3 **Apakah bantuan bersasar yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan individu lain yang bekerja sendiri dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas dengan pandemik COVID-19?**

Bank menawarkan fleksibiliti atas bayaran ansuran pelanggan seperti berikut:

i. Membayar keuntungan sahaja untuk satu jangka masa yang ditetapkan; atau
ii. Memanjangkan tempoh keseluruhan pembiayaan bagi mengurangkan ansuran bulanan.

4 **Apakah bantuan bersasar yang ditawarkan kepada pelanggan yang mempunyai kemudahan sewa beli kenderaan?**

Pelanggan yang mempunyai kemudahan sewa beli ditawarkan pilihan penjadualan ansuran yang bersesuaian tertakluk kepada Akta Sewa Beli.

Contohnya, memanjangkan tempoh bayaran ansuran pada kadar ansuran bulanan yang lebih rendah.

5 **Adakah pembiayaan yang menerima lanjutan moratorium dan bantuan bersasar ini memberi kesan dalam laporan CCRIS?**

Tidak.

PERBANKAN ISLAM

*Tertakluk pada terma dan syarat
Layari laman web korporat di www.bankrakyat.com.my untuk maklumat lanjut.

SOALAN LAZIM

LANJUTAN MORATORIUM DAN BANTUAN BANK BERSASAR SERTA PROGRAM BANTUAN PENGURUSAN KEWANGAN

Selaras dengan pengumumuan berkenaan Lanjutan Moratorium & Bantuan Bank Bersasar pada 29 Julai 2020, Bank Rakyat mengambil inisiatif membantu pelanggan merancang komitmen pembiayaan mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan. Tawaran ini khusus buat pelanggan yang masih menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka selepas tempoh moratorium secara automatik tamat pada 30 September 2020 berikutan penularan wabak COVID-19.

6 Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan yang berhasrat mendapatkan Lanjutan Moratorium dan Bantuan Bersasar seperti di atas?

Pelanggan boleh menghubungi Bank melalui saluran komunikasi rasmi seperti berikut:

i. E-mel ke bankrakyatrnr@bankrakyat.com.my.
(Sila sertakan nama penuh, nombor kad pengenalan dan nombor telefon bimbit untuk dihubungi)
ii. Pusat Panggilan di talian 1300800800.
iii. Mengunjungi cawangan yang berdekatan.

7 Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh pelanggan untuk memohon Lanjutan Moratorium dan Bantuan Bersasar ini?

Pelanggan perlu mengemukakan dokumen sokongan berkaitan pekerjaaan atau perniagaan terjejas seperti berikut (yang mana berkenaan):

i. Surat penamatan/pemberhentian kerja.
ii. Surat cuti tanpa gaji
iii. Surat pemotongan gaji dan salinan penyata gaji sebelum dan selepas pemotongan.
iv. Penyata bank selama 6 bulan terkini sebagai sokongan permohonan.

8 Bilakah tarikh mula permohonan Lanjutan Moratorium dan Bantuan Bersasar ini?

Pelanggan boleh memohon Lanjutan Moratorium dan Bantuan Bersasar ini bermula 7 Ogos 2020.

PERBANKAN ISLAM

*Tertakluk pada terma dan syarat
Layari laman web korporat di www.bankrakyat.com.my untuk maklumat lanjut.